

# Kerepek RM4j

H-M 24/12/07 MIs 28

## Rizal's Chip teroka pasaran Eropah dengan keupayaan dua kilang

>>Oleh Hayati Ibrahim


ya\_t@hmetro.com.my

**P**ERUSAHAAN Sepang Maju Sdn Bhd (Perusahaan Sepang Maju), syarikat Bumiputera yang mengeluarkan kerepek ubi kayu berjenama Rizal's Chip yakin mampu mencapai sasaran perolehan antara RM3 juta hingga RM4 juta setahun.

Pengarah Urusannya, Zamri Jamaludin, berkata sasaran itu disandarkan kepada tiga faktor termasuk meluaskan pasaran ekport terutama di negara Eropah, pembinaan kilang baru di Pasir Putih, Kelantan dan menaik taraf kilang sedia ada di Kampung Bukit Bangkong, Sungai Pelek, Sepang.

Zamri berkata, melihat kepada potensi di negara Eropah yang sedang mengalih cita rasa dari kerepek ubi kentang berkolestrol kepada kerepek ubi kayu dengan kandungan serat tinggi, beliau yakin sasaran berkenaan mampu dicapai.

"Tambah pula, kami sedang bekerjasama dengan Lembaga Tembakau Negara (LTN) untuk membina sebuah kilang di Pasir Putih,



**CUBA...Abdullah dan isteri, Datin Sri Jeanne Abdullah merasa produk keluaran Perusahaan Sepang Maju sambil disaksikan isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Zaharah Kechik (tiga dari kiri).**

Kelantan untuk membantu penanam tembakau yang sudah diarahkan menggantikan projek penanaman tembakau kepada projek lain.

"Jadi, di atas saranan LTN kami bersetuju kerana kami dijangka menghadapi masalah bahan mentah untuk pasaran luar negara yang menunjukkan pertumbuhan positif ketika ini," katanya ketika ditemui sempena la-

watan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke kilangnya di Kampung Bukit Bangkong, Sungai Pelek Sepang, baru-baru ini.

Pada majlis itu juga, Perusahaan Sepang Maju turut bertukar dokumen kerjasama dengan LTN untuk pembinaan kilang pengeluaran kerepek ubi di Pasir Putih, Kelantan.

### Bursa Malaysia

Indeks Komposit	1,403.56	+0.15
FBM Emas	9,492.77	+17.35
FBM2Board	6,630.27	-17.36
FBM-Mesdaq	5,879.82	-58.22

### Kaunter Untung

VADS	6.800	0.600
KLK	16.200	0.000
TSTORE	3.680	0.400
IJM	8.550	0.350
PARKSON	9.500	0.350

### Kaunter Cergas

AIRASIA	1.590	-0.007
GTRONIC	0.250	0.000
SIME-CB	0.140	-0.050
IOICORP	7.150	0.100
SIME	11.200	0.200

### TUKARAN ASING

	JUALAN	BEJUAN
1 Dolar AS	3.3850	3.3200
1 Euro	4.8530	4.7570
1 Pound Sterling	6.7180	6.5850
1 Dolar Australia	2.9170	2.8430
1 Dolar Singapura	2.3185	2.2730
100 Riyal Saudi	91.5400	87.0700
100 Dolar Hong Kong	44.0500	41.9000
100 Rupiah Indonesia	0.0374	0.0320
100 Yen Jepun	2.9920	2.9320
100 Baht Thailand	11.8700	10.1100

Zamri berkata, kilang berkenaan sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi sepenuhnya Februari tahun depan.